

Sistem baru ranking universiti dengan nilai lebih luas diperkenalkan tahun depan

SATU cara baru bagi menentukan ranking universiti yang mengambil kira faktor seperti kualiti pekerjaan yang diperolehi lulusan mereka, sumbangan mereka kepada pertumbuhan ekonomi serta inovasi dan jalinan global mereka akan didedahkan tahun depan.

Ranking Kesan Universiti Times Higher Education itu bertujuan memberi penilaian lebih meluas kesan universiti terhadap masyarakat.

Inisiatif perintis yang bakal dilancarkan April tahun depan itu sejajar dengan seruan Menteri Pendidikan Ong Ye Kung yang meminta ranking global mengukur kesan sesebuah institusi dengan lebih menyeluruh, lapor *The Straits Times*.

“Nilai keberkesanan sesebuah universiti menerusi kerjasama yang dijalin dengan dunia luar – industri, masyarakat, komuniti, pemerintah – dan kesan yang ditinggalkan dalam kesemua sektor ini,” kata beliau dalam satu perbincangan dalam Sidang Puncak Akademik Dunia Times Higher Education semalam.

Encik Ong mengulangi pandangan Panel Penasihat Akademik Antarabangsa yang bertemu di Singapura pada Jun lalu bagi membincangkan sektor pendidikan tinggi di sini.

Panel itu – yang terdiri daripada pemimpin universiti dan ketua eksekutif syarikat global – telah bersetuju bahawa ranking sedia ada terlalu bergantung kepada petunjuk penyelidikan dan mengabaikan bidang lain seperti pembelajaran menerusi pengalaman.

Ranking baru yang bakal diumumkan Times Higher Education April depan akan menilai universiti berdasarkan 11 Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang digunakan pada 2016.

Ini termasuk menyediakan pendidikan berkualiti, mencapai kesetaraan jantina dan menggalakan inovasi.

Pengarah sidang pengarang bagi ranking global Times Higher Education, Encik Phil Baty, dalam satu kenyataan awal bulan ini, berkata:

“Universiti memberi sumbangan besar kepada masyarakat, dan data ini dapat membantu membentuk gambaran unik yang baru berkaitan bagaimana mereka menangani sesetengah isu global yang paling penting.

“(Ukuran kesan) adalah sesuatu yang sedang kami teroka dan rundingkan selama bertahun-tahun dan membawa kami jauh menjangkau ukuran ranking tradisional ke atas penyelidikan dan reputasi.”

Dalam ucapannya, Encik Ong berkata Singapura telah membina asas yang baik dalam penyelidikan dan pembangunan dengan mengambil contoh dari Eropah dan Amerika Syarikat.

“Namun kita semua harus sentiasa bertanya bagaimana model penyelidikan semasa dan sistem ranking dan penilaian, perlu berkembang mengikut peredaran masa,” katanya sambil menambah bahawa definisi pengajian di universiti dan ijazah sedang melalui penilaian semula.

“Terdapat kesedaran bahawa pembelajaran sepanjang hayat akan mengubah rentak dan campuran pendidikan.

“Universiti kini tidak begitu tertekan untuk membebaskan mahasiswa dengan pengetahuan dan lebih banyak usaha diperlukan bagi menjadikan pengajian di universiti lebih menerusi pengalaman.”

Universiti juga perlu bekerjasama dengan dunia luar dengan bekerjasama dengan industri dan mengiktiraf bagaimana ia boleh menyumbang kepada industri dan pemerintah, kata Encik Ong.

Sidang puncak tiga hari itu, yang dianjurkan oleh Universiti Nasional Singapura (NUS), dijadual berakhir hari ini.